

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PERTUBUHAN PELADANG
KAWASAN PUTERI SAADONG

NOR AZINI BINTI ABDULLAH
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
2007

1100063810

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu



LJ 20 FPE 2 2007




1100063816

Laporan akhir latihan industri di Pertubuhan Peladang Kawasan Puteri Saadong / Nor Azini Abdullah.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

11000638LG

Lihat sebelah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PERTUBUHAN PELADANG
KAWASAN PUTERI SAADONG**

**NOR AZINI BINTI ABDULLAH
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)**

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT**

2007

1100063816

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN


Dengan ini saya Nor Azini Binti Abdullah UK12118 mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4992** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UMT tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Nor Azini Binti Abdullah

Disahkan oleh:



Penyelia UMT

b/p Pengurus Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

UMT

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T.....

Segala Puji bagi Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani.

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat llahi kerana dengan izin-Nya dapat pelatih menyempurnakan Latihan Indusrti (PGN 4799) yang telah dijalankan selama 12 minggu bermula dari 15 April 2007 sehingga 15 Julai 2007 di Pertubuhan Peladang Kawasan Puteri Saadong, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Terlebih dahulu, pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Ahmad Rusdi bin Abdullah yang bertindak selaku Penyelia Latihan Industri di Universiti Malaysia Terengganu kerana memberi galakkan dan dorongan kepada pelatih dan rakan-rakan lain yang telah menjalani Latihan Industri ini.

Selain itu, pelatih juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Pertubuhan Peladang Kawasan Puteri Saadong yang sudi menerima pelatih untuk menjalani Latihan Industri. Terutama sekali kepada Pengurus Besar iaitu En. Mohd Kamal bin Che Musa dan kakitangan di Pertubuhan Peladang Kawasan Puteri Saadong yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang terbaik kepada pelatih sepanjang pelatih menjalani latihan sehinggalah hari terakhir pelatih menamatkan Latihan Industri di PPK Puteri Saadong. Segala ilmu dan tunjuk ajar yang pelatih perolehi sewaktu menjalani latihan ini banyak memberikan kesan yang mendalam dan

amat berharga kepada pelatih kerana melalui latihan ini ia memberikan pendedahan dengan alam pekerjaan yang sebenar.

Tidak lupa juga, sekalung penghargaan buat kedua-dua ibubapa dan keluarga pelatih yang amat memahami dan sanggup mengorbankan masa, tenaga dan kewangan untuk pelatih menjalani Latihan Industri ini. Malahan, rakan-rakan pelatih yang banyak memberi kerjasama dan panduan untuk menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali, apa yang baik itu datangnya daripada Allah S.W.T dan segala kelemahan dan keburukan itu datangnya dari diri pelatih sendiri. Diharapkan segala hasil kerja yang dibuat ini akan direhui oleh Allah S.W.T dan diberkati olehNya dan pelatih ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan banyak membantu pelatih dalam menyiapkan dan menjayakan Latihan Industri pelatih selama ini. Jasa kalian akan sentiasa dikenang.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
RIGKASAN EKSEKUTIF	x

BAB SATU : PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Organisasi	1
1.1.1 Sejarah Penubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan Puteri Saadong	1
1.1.2 Sejarah Penubuhan KADA	3
1.2 Maklumat Organisasi	4
1.2.1 Objektif Organisasi	5
1.2.2. Matlamat Organisasi	6
1.2.3 Visi Organisasi	7
1.2.4 Misi Organisasi	7
1.2.5 Fungsi Organisasi	7
1.2.6 Logo Organisasi	8

1.3	Carta Organisasi	9
1.3.1	Bahagian-Bahagian Dalam Pengurusan PPK Puteri Saadong	10
1.4	Aktiviti Organisasi	13
1.4.1	Aktiviti Utama	13
1.4.2	Aktiviti Perniagaan PPK Puteri Saadong	13
1.4.3	Aktiviti Perkhidmatan	14
1.4.4	Unit-unit Yang Dikendalikan Oleh PPK Puteri Saadong	14
1.5	Analisis SWOT PPK Puteri Saadong	15
1.5.1	Kekuatan	16
1.5.2	Kelemahan	20
1.5.3	Peluang	22
1.5.4	Ancaman	25
1.6	Kemahiran Yang Dipelajari	27
1.6.1	Kemahiran Berkomunikasi	27
1.6.2	Kemahiran Menyelesaikan Masalah	28
1.6.3	Kemahiran Dalam Kerja Pentadbiran Dan Pengurusan	28
1.6.4	Kemahiran Mengumpul dan Merekod Data	29

BAB DUA : SISTEM KERJA, PENGENALPASTIAN MASALAH, CADANGAN PENYELESAIAN DAN IMPLIKASI

2.1	Pengenalan	30
2.2	Sistem Pendaftaran Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan	31
2.2.1	Penerangan Sistem	32
2.2.2	Pengenalpastian Masalah	36
2.2.3	Cadangan Penyelesaian	37
2.2.4	Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi	40
2.3	Sistem Permohonan Kredit	41
2.3.1	Penerangan Sistem	42
2.3.2	Pengenalpastian Masalah	44
2.3.3	Cadangan Penyelesaian	46
2.3.4	Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi	47
2.4	Sistem Belian Barang Input Pertanian	48
2.4.1	Penerangan Sistem	49
2.4.2	Pengenalpastian Masalah	52
2.4.3	Cadangan Penyelesaian	53
2.4.4	Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi	54
2.5	Analisis Dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan	55
2.5.1	Rumusan	55
2.5.2	Pelaksanaan Cadangan	57

BAB TIGA: PENUTUP

3.1	Rumusan	61
3.2	Implikasi	63
3.3	Cadangan kepada Latihan Industri	65

RUJUKAN

LAMPIRAN

Senarai Jadual

Muka Surat

Jadual 1: Analisis SWOT Pertubuhan Peladang Kawasan
Puteri Saadong

15

Senarai Rajah

	Muka Surat
Rajah 1: Carta Organisasi Pertubuhan Peladang Kawasan Puteri Saadong	9
Rajah 2: Carta Alir Sistem Proses Pendaftaran Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan	31
Rajah 3: Carta Alir Sistem Permohonan Kredit	41
Rajah 4: Carta Alir Sistem Belian Barang Input Pertanian	48

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan kursus yang telah diwajibkan oleh Fakulti Pengurusan dan Ekonomi kepada semua pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran. Latihan Industri banyak memberi manfaat dan ia amat berguna kepada pelatih kerana melalui latihan yang dijalankan ini dapat memberikan gambaran yang sebenar kepada kita tentang alam pekerjaan yang akan ditempuhi suatu hari nanti. Semasa di Universiti, kita hanya mempelajari teorinya sahaja dan di dalam latihan ini, kita mempraktikkan segala ilmu yang dipelajari dengan kerja yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Tujuan latihan industri ini dibuat adalah untuk memberi pendedahan yang berkaitan dengan suasana kerja dan menimba pengalaman bekerja di agensi-agensi kerajaan mahupun di swasta. Selain itu, pelatih juga turut didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang lebih menekankan aspek fizikal dan kemahiran berfikir mengenai tugas yang diberikan dan ini dapat mewujudkan jaringan peluang kerjaya pada suatu masa nanti. Segala ilmu yang dipelajari dan pengalaman yang diperolehi semasa berada di PPK Puteri Saadong adalah tidak sama dengan segala apa yang dipelajari di peringkat Universiti. Pengalaman yang berharga inilah yang akan menjadi panduan kepada pelatih untuk terus mengorak langkah ke hadapan. Sepanjang tempoh 12 minggu menjalankan latihan industri ini, sedikit sebanyak pelatih dapat memahami sistem-sistem kerja yang digunakan oleh organisasi untuk aktiviti seharian mereka. Antara sistem kerja yang ditemui ialah Sistem Proses Pendaftaran Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Sistem Permohonan Kredit, dan Sistem Belian Barang Input Pertanian. Namun, terdapat beberapa masalah dan kelemahan yang telah dikenalpasti sedikit sebanyak memberi impak negatif kepada kelancaran sesuatu sistem kerja. Masalah-masalah ini mungkin dianggap remeh, namun ia akan menjadi masalah besar dalam jangka masa panjang. Beberapa cadangan membina cuba diusulkan oleh pelatih bagi mengatasi masalah dan kelemahan tersebut. Diharap pihak Pertubuhan Peladang Kawasan Puteri Saadong akan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang telah diusulkan. Semoga PPK Puteri Saadong akan menjadi sebuah organisasi yang terunggul selaras dengan matlamat yang diwacanakan.